

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 OCTOBER 2016

Pelaburan asing beri banyak manfaat

BH - 16/10/2016

➔ Kemasukan FDI bantu tingkat pendapatan penduduk, syarikat tempatan

Oleh Abdul Razak Raaff,
Nik Sukry Ramli
dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) memberi peluang syarikat tempatan mengembangkan perniagaan dan membantu meningkatkan pendapatan penduduk tempatan, kata

Fakta
nombor

93 PROJEK

Bumiputera diberi bantuan kewangan RM231.23 juta menerusi Dana Mudah Cara TERAJU@ECER, yang mewujudkan 8,707 peluang kerja

Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memastikan setiap pelaburan asing yang masuk memberi manfaat kepada semua pihak, terutama penduduk dan peniaga tempatan serta tidak hanya memberi keuntungan kepada syarikat pelabur semata-mata.

"Kita hendak pastikan rangkaian pembekalan dapat dirasai semua, kita tidak mahu hanya mereka (pelabur asing) kaut untung... kita mahu pastikan ada pengembangan ekonomi tempatan," katanya berucap merasmikan Fasiliti Gudang Pemasangan Tempatan (CKD) Mercedes-Benz dimiliki Nilai Mahir Sdn Bhd di Taman Automotif Pekan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Nilai Mahir Sdn Bhd, Al-Meiraj Mohd Ali; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Da-

tuk Seri Jebasinggam Issace John; Pengarah Kanan Pembangunan Perniagaan dan Usahawan Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Megat Mohd Yatim Megat Hamid dan Ketua Pegawai Eksekutif Mercedes-Benz, Dr Claus Weidner.

Gudang bernilai RM32 juta itu diuruskan Nilai Mahir yang juga anak syarikat Kumpulan Hamodal Sdn Bhd dan mendapat bantuan Dana Mudah Cara TERAJU berjumlah RM4.76 juta.

Bantu syarikat tempatan

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, dana mudah cara itu antara inisiatif kerajaan membantu syarikat tempatan, terutama milik Bumiputera mengembangkan perniagaan dan membangunkan sesebuah kawasan serta menarik pelabur asing.

Beliau bagaimanapun menjelaskan inisiatif memperkasakan ekono-

mi Bumiputera itu bukan bermakna kerajaan tidak membantu ekonomi kaum lain kerana matlamat utama adalah melihat negara berkongsi kekayaan secara saksama.

"Kita juga mahu melihat kawasan yang dahulunya kurang maju seperti Pekan yang hari ini sudah bertukar wajah menjadi kawasan yang pesat membangun, lebih-lebih lagi apabila kita mengklasifikasikannya sebagai hab automotif negara.

"Maka kita lihat DRB HICOM, DEF-TECH bertapak kukuh dan menarik pelabur dari jenama luar dan tersohor seperti Mercedes-Benz," katanya.

Sementara itu, berucap pada majlis penyampaian hadiah UDA Pekan Bridge Run 2016, Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan, berkata acara larian dan maraton yang diadakan di negara ini berpotensi dijadikan produk pelancongan.